

Kontinjen 1KAL tekad kekal kejuaraan

UB 8.4.2014 A15

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bertekad mahu mengekalkan kejuaraan Kejujohanan Sukan Staf UMS kali ketiga berturut-turut pada tahun depan.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, hasrat itu tidak mustahil untuk dicapai berikutan prestasi terbaik kontinjen itu pada dua musim sebelum ini.

Katanya, kontinjen itu yang lebih dikenal sebagai 1KAL muncul juara pada 2013 dan 2014 di Kejujohanan Sukan Staf UMS yang berlangsung di Wilayah Persekutuan Labuan pada 24-26 Januari dan 13-17 Februari 2014 di Kota Kinabalu.

UMSKAL pernah muncul juara pada 2005.

Kontinjen 1KAL meraih emas dalam acara kayak, badminton, bola tampar wanita, bola tampar lelaki, dart, bola tampar pantai lelaki, bola tampar pantai wanita, ping pong dan tarik tali.

“Kontinjen 1KAL bersedia



ROSLEE Karim yang mewakili pasukan dart menerima trofi daripada Pengarah UMSKAL.

mempertahankan kejuaraan di Kejujohanan Sukan Staf 2015,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis jamuan makan meraikan kejayaan kontinjen itu di ruang letak kenderaan kampus itu, Jumaat lalu. Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan Gabriel Moinjil dan Penolongnya Awangku Azanul Azhar Pg Arshad.

Ismail berkata, beberapa latihan persahabatan dengan jabatan dan agensi kerajaan telah, sedang dan akan diadakan sepanjang tahun

ini bagi memastikan atlet mengekalkan daya tahan dan prestasi terbaik.

Oleh itu, beliau mahu semua kakitangan supaya menggunakan kemudahan sukan yang ada dengan mengadakan latihan dan perlawanan persahabatan termasuk bersama pelajar universiti itu.

“Jika kita menggandakan latihan dari awal, saya yakin kemenangan yang diidamkan boleh dicapai termasuk menjaga disiplin ketika menentang lawan,” katanya.



RUBY Zawati (kanan) menerima trofi Pengurus Terbaik 2014 daripada Ismail diperhatikan Gabriel (kiri).

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang membantu 1KAL mengekalkan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut.

Ucapan penghargaan turut diberikan kepada urusetia yang menganjurkan Kejujohanan Sukan Staf Fasa 1 yang berlangsung di wilayah ini.

Pada majlis itu, Dr Suddin Lada diumumkan Atlet Terbaik Lelaki manakala Siti Rahmat Lamit Atlet Terbaik Wanita 2014.

Suddin membantu kontinjen 1KAL memperolehi pingat emas dalam acara ping pong, badminton, naib johan

futsal veteran, tempat ketiga hoki dan keempat bola sepak veteran.

Sementara Siti Rahmat membantu pasukannya memenangi emas dalam acara bola tampar, bola tampar pantai dan naib johan bola sepak pantai.

Bagi Anugerah Atlet Harapan Lelaki dimenangi Azli Abdullah yang meraih pingat emas acara bola tampar, bola tampar pantai dan naib johan bola sepak pantai.

Anugerah Atlet Harapan Wanita pula disandang Sarina Puas yang muncul johan acara kayak kategori perseorangan dan berpasangan.

Ruby Zawati Timbang pula memenangi Anugerah



ISMAIL menyampaikan trofi dan sijil kepada Sarina yang memenangi Anugerah Atlet Harapan Wanita.



PENOLONG Pegawai Belia dan Sukan Awangku Azanul (kanan) menerima sijil penghargaan daripada Ismail.

Pengurus Terbaik 2014.

Majlis yang berlangsung dalam suasana santai itu

dimeriahkan dengan cabutan nama bertuah yang menerima hamper daripada Ismail.



SEBAHAGIAN atlet yang menghadiri majlis meraikan kejayaan kontinjen 1KAL 2014.